



SIARAN MEDIA

Untuk siaran segera

Great Eastern Takaful Raikan Ulang Tahun Ke-12

Pencapaian bermakna dengan pengiktirafan sebagai Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022 oleh *Global Business Outlook*

13 Disember 2022, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) baru-baru ini telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-12 pada 10 Disember 2022. Berteraskan matlamat untuk saling membantu mereka yang memerlukan, Great Eastern Takaful terus memperkukuh kedudukannya dalam industri takaful apabila diiktiraf sebagai Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022 oleh *Global Business Outlook*.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, “Kami berbesar hati dan amat menghargai kepercayaan hampir 1 juta pelanggan yang telah memilih kami sebagai pengendali takaful keluarga mereka. Pencapaian ini melambangkan dedikasi dan usaha berterusan lebih 9,000 perunding takaful serta warga kerja Great Eastern Takaful yang sentiasa menitikberatkan kepelbagaian keperluan pelanggan sejajar dengan landskap sosioekonomi yang dinamik serta berdaya saing. Seiring dengan janji jenama kami untuk Mencapai Kejayaan bersama rakyat Malaysia, kami setia menyokong para pelanggan dalam setiap peringkat kehidupan mereka.”

Komitmen tinggi Great Eastern Takaful dalam menyediakan perlindungan kesihatan dan kewangan kepada masyarakat melebihi satu dekad ini adalah manifestasi mereka untuk turut membantu merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, seperti yang diaspirasikan oleh Bank Negara Malaysia. Memetik ucapan oleh Encik Mohamed Sabri Ramli, Timbalan Pengerusi Persatuan Takaful Malaysia (MTA) pada majlis penganugerahan Takaful Star Awards 2022, kadar penembusan takaful keluarga pada tahun 2021 mencatatkan sebanyak 18.6% berbanding 16.9% pada tahun 2020. Statistik ini memperlihatkan hasil transformasi digital serta pelbagai penawaran produk yang kompetitif di pasaran selain usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan takaful.

Great Eastern Takaful turut memperkenalkan amalan kelestarian melalui dana terbaharu, i-Ekuiti Global di samping menambahbaik pelan perlindungan kumpulan, iaitu GET REV. Permohonan bagi dana serta produk takaful ini boleh dilakukan secara digital melalui aplikasi M-POS yang digunakan oleh perunding takaful demi memastikan transaksi mudah, lancar dan mesra pelanggan. Melalui pendigitalan perkhidmatan seperti portal pelanggan I-GET In Touch (iGIT), apa jua proses permohonan dan transaksi boleh dilakukan hanya dengan beberapa klik.

“Tahun ini, kami telah berjaya melangkah ke hadapan dan merealisasikan inisiatif *Value Based Intermediation Takaful* (VBIT) ke arah penghasilan produk yang inovatif, perkhidmatan serta operasi perniagaan yang mampan. VBIT tidak hanya tertumpu kepada aktiviti perniagaan malah ia juga menitikberatkan tanggungjawab sosial dalam memperkasakan rakyat Malaysia khususnya segmen B40 serta membantu melestarikan alam sekitar untuk kehidupan yang lebih berkualiti,” tambahnya.

Dalam usahanya untuk melindungi alam sekitar dan mengurangkan pencemaran sisa plastik, Great Eastern Takaful juga telah menjadi pengendali takaful keluarga pertama yang memiliki

sebuah mesin kitar dan penghasilan semula 2-dalam-1 dan melancarkan *Sustainability Room* untuk menjalankan aktiviti kitar semula di tempat kerja. Sisa plastik yang telah diasingkan mengikut jenis akan dikitar semula dan seterusnya menghasilkan pelbagai barangan baru yang boleh digunakan seperti sikat, pembaris, penyepit beg serta bekas sabun. Inisiatif ini mendapat perhatian ramai pihak dan Great Eastern Takaful kini aktif menganjurkan pelbagai program kesedaran mengenai kitar semula dan aktiviti *upcycling* kepada orang awam termasuklah para pelajar.

Aktiviti memperkasakan komuniti turut diperkukuh melalui skim kerajaan, mySalam yang semakin giat dilaksanakan demi memastikan segmen B40 mendapat perlindungan sewajarnya. Great Eastern Takaful yang dilantik sebagai pengurus mySalam secara keseluruhannya juga telah membuahakan kejayaan baru setelah berjaya melindungi lebih 1 juta rakyat Malaysia. Pelbagai usaha mempromosi serta aktiviti jelajah di seluruh negara telah dijalankan dalam usahanya untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai manfaat skim tersebut.

Ulang tahun ke-12 ini turut diserikan dengan pencapaian Great Eastern Takaful dalam mencatat satu rekod baharu dalam The Malaysia's Book of Records apabila mereka membuat sewaan perkhidmatan tren elektrik (ETS) terpanjang dengan penglibatan lebih 700 perunding takaful.

Untuk maklumat lanjut:

Great Eastern Takaful - <https://www.greateastertakaful.com/>

-TAMAT-

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, syarikat ini telah berjaya melangkah jauh di mana ia dinamakan Best New Islamic Institution pada 2011; Best New Takaful Institution pada 2012; dan Best Takaful Operator (Asia) pada 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad dianugerahkan Fastest Growing Takaful Company in Malaysia oleh International Finance, sebuah terbitan analisis dan perniagaan premium di United Kingdom dan Takaful Solutions Provider of the Year - South East Asia Award oleh Wealth & Finance International dari United Kingdom. Pada tahun 2020, Great Eastern Takaful dianugerahkan "Most Valuable Brand - Takaful Solutions" oleh The BrandLaureate BestBrands Awards 2020. Pada tahun yang sama, syarikat pengendali takaful ini juga dinobatkan sebagai penerima "CSR Initiative of 2020" oleh Insurance Asia Awards. Pada tahun 2021, Great Eastern Takaful telah memenangi "The BrandLaureate World Halal BestBrands e-Branding Awards 2021 - Brand of the Year - Takaful Solutions".

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Tel: +6016 209 2341 | MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com